

Eco City RM6b , projek 10 tahun di Kampung Abdullah Hukum

(Harian Metro, Bisnes Page 41, 16 November 2011)



GAH...KL Eco City
berkonsepkan pembangunan
hijau bersepadu pertama
negara.

Eco City RM6b

Projek 10 tahun di Kampung Abdullah Hukum

>>>Oleh Shanty Nur
Shaffizan Shafee

shanty@metro.com.my

PROJEK mercu tanda Kuala Lumpur, KL Eco City yang dibangunkan Kumpulan SP Setia Bhd (SP Setia) dijangka siap dalam tempoh 10 tahun lagi dengan nilai pembangunan kasar (GDV) keseluruhannya berjumlah RM6 bilion.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutifnya SP Setia, Tan Sri Liew Kee Sin berkata, KL Eco City adalah projek pembangunan bercampur di kawasan seluas 9.6 hektar merangkumi unit kondominium mewah, pejabat korporat, masjid serta ruang letak kereta bertingkat.

"Perbincangan projek ini dimulakan 11 tahun lalu de-

ngan pihak kerajaan bagi membangunkan KL Eco City yang terletak di Jalan Bangsar bertentangan pusat beli-belah Mid Valley atau dikenali sebagai Kampung Abdullah Hukum, Kuala Lumpur.

"Projek ini dimulakan dengan membangunkan fasa infrastruktur sebelum pembangunan fasa pertama yang mengandungi tiga menara kediaman yang dijangka siap dalam tempoh tiga hingga empat tahun lagi," katanya pada majlis pelancaran projek itu oleh Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar, Datuk Raja Nong Chik Raja Zainal Abidin di Kuala Lumpur, semalam.

Pada majlis itu juga, SP Setia menandatangani perjanjian Kemudahan Pembiayaan Is-

lam Bersindiket bernilai RM460 juta yang disediakan tiga institusi kewangan Islam yang akan digunakan bagi tujuan pembiayaan infrastruktur antaranya cadangan membina hab pengangkutan stesen komuter KTM di kawasan projek itu sendiri.

Bank yang terbabit ialah HSBC Amanah Malaysia Bhd, Hong Leong Islamic Bank Bhd dan Bank Muamalat Malaysia Bhd.

Liew berkata, KL Eco City bakal menjadi pembangunan hijau bersepadu pertama di negara ini dengan menasarkan mencapai taraf Indeks Bangunan Hijau Malaysia serta persijilan Kepimpinan Tenaga dan Alam Sekitar (LEED) yang berpangkalan di Amerika Syarikat (AS).